

23/06/2001

Titisan air mata penderma darah

DALAM kesibukan menghadiri Perhimpunan Agung Umno, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meluangkan masa meninjau kempen menderma darah di Bilik Kedah, petang semalam.

Seorang penderma darah, Azman Hassan, yang ada di situ ketika lawatan Dr Mahathir tidak dapat menahan daripada menitikiskan air mata kegembiraan kerana dapat bersua dengan Perdana Menteri.

Azman yang menghidap lumpuh sejak dua tahun lalu berkata, beliau terlalu terharu kerana Dr Mahathir memberi kata-kata semangat kepadanya.

Kempen itu yang dianjurkan Biro Bertindak Sivil dan Puteri Umno mendapat sambutan apabila lebih 100 orang tampil berbuat demikian.

(END)